

N Sembilan dapat 600,000 dos vaksin bulan depan

Oleh [Mohd Amin Jalil](#) - Jun 22, 2021 @ 7:30pm
bhnews@bh.com.my



Khairy (kanan) bersama Aminuddin (dua dari kanan) selepas mesyuarat Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) di Wisma Negeri di Seremban hari ini. - Foto NSTP/Azrul Edham Mohd Aminuddin

SEREMBAN: Kerajaan akan membekalkan 600,000 dos vaksin kepada Negeri Sembilan mulai bulan depan bagi mempercepatkan lagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di negeri itu.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata peningkatan kes harian serta kluster termasuk membabitkan tempat kerja dalam sektor industri, mendorong kerajaan menyegerakan pelaksanaan program vaksinasi di negeri ini.

"Ini bagi membolehkan kadar suntikan hingga 20,000 dos sehari iaitu kapasiti tertinggi setakat ini berbanding 2,000 dos sahaja ketika ini, dapat dilaksanakan bermula Julai ini," katanya selepas Mesyuarat Bersama CITF di Bilik Gerakan Wisma Negeri, di sini yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Mengulas lanjut, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata penambahan jumlah vaksin itu akan disusuli dengan pembukaan

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 12m [Inisiatif BRI: Malaysia ketengah isu kesihatan awam, COVID-19](#)
- 18m [Utama graduan pendidikan jadi cikgu jamin kualiti perguruan](#)
- 21m ['Pemimpin UMNO elak berbeza pendapat isu Parlimen'](#)
- 23m [15 kilang, 22 pekerja dikompaun RM194,000](#)
- 32m [Kawal perbelanjaan, fokus keperluan ketika PKP](#)
- 39m [Laporan berita COVID-19 tingkat keyakinan media](#)
- 47m [Kita dituntut jadi 'terlebih baik' demi kesejahteraan umat](#)
- 53m [37 PATI ditahan cuba masuk, keluar menerusi jalan laut](#)

lebih banyak Pusat Penerimaan Vaksin (PPV) di negeri ini dalam tempoh terdekat.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **PPV berskala besar diwujudkan di setiap negeri - KJ**
- **Ucapan Perdana Menteri berhubung perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan**
- **'Banyakkan program 'outreach' di negeri'**
- **Kerajaan bekal sepenuhnya vaksin untuk Sarawak**

"Justeru, kita yakin sasaran untuk memberikan suntikan vaksin kepada 80 peratus rakyat Negeri Sembilan akan dapat dicapai lebih awal iaitu pada Oktober berbanding jangkaan sebelum ini pada Disember depan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Khairy berkata, sebanyak dua PPV industri akan dibuka hujung bulan ini dan awal bulan depan di negeri ini.

PPV industri pertama akan dibuka di Dewan d`Tempat Bandar Seri Sendayan hujung bulan ini dan disusuli Dewan Pusat Komersial Catleya di Senawang, dekat sini, bulan depan. Kapasiti suntikan di PPV industri berkenaan adalah 1,500 dos sehari.

"Pembukaan PPV industri ini akan membabitkan beberapa syarikat yang berdaftar menerusi Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

"Menerusi program PIKAS, kerajaan menawarkan kepada industri sertai program vaksinasi, yang mana kerajaan hanya memberikan suntikan vaksin secara percuma manakala kos-kos lain ditanggung pihak kilang," katanya.

Setakat ini 46 kilang di Negeri Sembilan sudah menyatakan persetujuan menyertai Program PIKAS yang membabitkan 15,000 orang pekerja.

"Kita juga akan membuka lebih banyak PPV industri di lokasi seperti di Rembau pada masa akan datang," katanya.

Berhubung vaksinasi dalam kalangan penghantar makanan dan petugas kurier, Khairy berkata, ia akan bermula bulan depan.

VAKSIN



LAIN-LAIN (BISNES)

Jun 22, 2021 @ 9:06pm

Pengesahan S&P bukti kewangan negara kukuh - Tengku Zafrul



AMERIKA Jun 22, 2021 @ 2:03pm

Ramai golongan muda AS enggan divaksin



NASIONAL Jun 22, 2021 @ 1:56pm

'Tidak sabar kembali ke sekolah'



ASEAN Jun 22, 2021 @ 1:33pm


Terima suntikan vaksin atau dipenjara - Duterte



AMERIKA Jun 22, 2021 @ 8:17am

Longgar sekatan perjalanan warga

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Jun 16, 2021 @ 4:19pm
PIKAS sasar vaksin 2.25 juta pekerja sektor



NASIONAL Jun 16, 2021 @ 5:04pm
PIKAS: Majikan tak boleh kenakan kos, tolak gaji pekerja



WILAYAH Jun 21, 2021 @ 3:18pm
Sabah sasar capai imuniti kelompok akhir tahun ini



NASIONAL Jun 1, 2021 @ 2:22pm
Rundingan semula percepat bekalan vaksin

Disyorkan untuk anda

Recommended by

Indonesia posts record daily COVID-19 cases...
Nikkei Asia

50 million crabs migrating? See more wild anima...
Australia.com

Obama's Mansion Amazes Everyone
Mansion Global

Shah Alam: Liquidation Of Unsold 2020...
SUVs | Search Ads

Every Driver In Malaysia Should Have These...
ClearView

Quiz: Can You Name These Movies From A...
Parentsdomo Galleries

COVID-19 - Latest news and coverage
CNA

Discover Luxury Retirement Homes Near Sh...
Senior Living | Search ...



Kanada selesai divaksin

NASIONAL Jun 22, 2021 @ 12:25am
Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan



TRENDING




LAIN-LAIN (RENCANA) 3 jam yang lepas
Perbanyakkan wad isolasi, elak sebaran COVID-10 di udara



BOLA 3 jam yang lepas
EURO: Saka buat penyokong bingung



BOLA 5 jam yang lepas
EURO: Luke Shaw pula buat hal



BOLA 11 jam yang lepas
Gol kontroversi ranapkan impian JDT



KES Jun 22, 2021 @ 9:58pm
Maut ketika tukar tayar jentera berat

MYRESIPI



TIPS & PETUA Jun 22, 2021 @ 3:49pm
Petua Ikan Bilis Goreng Supaya Kekal Rangup, Boleh Simpan Stok Di Rumah



RESEPI Jun 22, 2021 @ 3:46pm
Resepi Roti Paratha Sosej Cheese Gulung Guna Air Fryer, Semudah ABC!



TIPS & PETUA Jun 21, 2021 @ 2:16pm
Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!



RESEPI Jun 21, 2021 @ 2:15pm
Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam



TIPS & PETUA Jun 18, 2021 @ 3:12pm
Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini



IKUTI KAMI DI:



BERITA

- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

SUKAN

- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

LANGGAN

- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)